

Janganlah terlampau 'gaji-conscious', adik....

"TICKING off for money-conscious scholar," kata sebuah kepala di New Sunday Times September 27, 1981. Berita berikutan berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengkritik setengah-setengah pelajar Universiti yang jauh lebih minatkan syarat perkhidmatan dan tanggung-gaji (bagi jawatan yang belum lagi disandang) daripada perkhidmatan yang mereka akan sumbangkan kepada rakyat.

"Banyak di antara mereka yang belum menerima ijazah atau memasuki Kerajaan telah pun mula membuat tuntutan mengenai syarat-syarat perkhidmatan dan faedah-faedah yang lain," tambah beliau.

Ini kata Perdana Menteri, adalah menunjukkan bahawa banyak di antara mereka yang mengutamakan kepentingan diri sendiri.

Perdana Menteri menggesa mereka supaya jangan terlampau "materialistic" tapi hendaklah berasa terhutang budi kepada rakyat dan dengan itu tidak akan menumpukan minat terhadap kepentingan

diri semata-mata.

Kata Perdana Menteri itu lagi, di masa-masa yang lampau, kebanyakan pelajar Universiti adalah lebih menumpukan tenaga kepada peperiksaan daripada tuntutan-tuntutan dikisahkan tadi.

Komen Penulis:

Tidaklah menghairankan bagi Perdana Menteri kita menyuarakan nasihat berkenaan, memandangkan bahawa di hari ini terlampau banyak orang di sana dan di sini, yang paling mengutamakan kebendaan daripada semangat perkhidmatan....

Dalam bahasa lain, walaupun ramai orang di dunia ini, khususnya di kalangan pemimpin, yang melaungkan "perkhidmatan kepada rakyat dan Negara," tapi apa yang sebenarnya mereka utamakan ialah "self-service", yakni perkhidmatan kepada diri sendiri... Jika terlalu ramai pemimpin atau bakal pemimpin, yang menumpukan minat secara keterlaluan terhadap kepentingan diri sendiri, maka cita-cita "Pentadbiran 2-M" untuk mewujudkan di negara ini sebuah pentadbiran berjiwa rakyat, yang benar-benar licin, cekap dan bersih tidak akan menjadi kenyataan.

Nota: Kalau sekalipun mahu memperoleh "layanan yang adil" dari majikan tunggulah

sehingga udah mula bekerja... Kerana siapa tahu, tanggagaji yang ada sekarang bagi satu-satu jawatan mungkin udah lebih dari mencukupi setelah dibandingkan nanti dengan sumbangan atau kemampuan seseorang pekerja atau bakal pekerja? Dalam bahasa lain, julankan dahulu kerja sebelum cuba melaungkan bantahan bahawa gaji yang dibayar oleh Kerajaan di hari ini bagi satu-satu jawatan tidak mencukupi!